

Dr. M guna kad pagi ini

Merakamkan sendiri seperti pegawai lain

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mencatatkan sejarah bila beliau sendiri menggunakan kad perakam waktu kedatangannya ke pejabat pagi esok.

Jurucakap Jabatan Perdana Menteri berkata, Perdana Menteri akan datang pada jam 7.50 pagi dan mencatatkan sendiri kad perakam waktu kedatangannya itu.

Langkah yang diambil oleh Perdana Menteri itu merupakan satu usaha positif untuk melahirkan pentadbiran yang cekap, lincin dan berkesan.

Langkah tersebut juga bermakna tidak timbul prasangka bahawa pentadbiran Datuk Seri Dr. Mahathir tidak percaya dengan pegawai-pegawai Kerajaan atau sebagainya.

Setakat ini beberapa Jabatan Kerajaan telah melaksanakan sis-

tem tersebut.

DI MELAKA, beberapa orang kakitangan jabatan-jabatan di bawah Kerajaan Negeri yang datang ke pejabat selepas jam 8 pagi semalam terperanjat mendapati buku kedatangan pejabat sudah diambil oleh Ketua Menteri Encik Mohd Adib bin Haji Mohd Adam.

Encik Mohd Adib selaku Ketua Pentadbir Negeri tiba di pejabatnya di Seri Negeri sebelum jam 8 pagi dan bila tepat jam 8 pagi, beliau secara mengejut mengarahkan beberapa kakitangannya mengambil kesemua buku kedatangan di 13 pejabat jabatan-jabatan Kerajaan Negeri bertempat di Seri Negeri Jalan Hang Tuah di sini.

Menurut tinjauan Berita Harian, Encik Mohd Adib telah menyemak satu persatu buku-buku kedatangan pejabat itu dan mendapati sembilan kakitangan datang ke pejabat selepas jam 8 pagi.

Encik Mohd Adib difahamkan mengambil perhatian serius terhadap kakitangan jabatan-jabatan Kerajaan Negeri yang datang ke pejabat selepas jam 8 pagi semalam.